



#### Graduan dituntut Beri Sumbangan Semula Kepada UPM



Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyampaikan ijazah kepada graduan pada sesi lima Majlis Konvokesyen UPM ke-32.

**SERDANG, 20 Okt.** – Graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) diseru supaya menanamkan semangat di dalam hati untuk memberi sokongan berterusan kepada UPM dengan memberi sumbangan semula kepada universiti.

Pro-Canselor UPM Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin berkata dengan adanya sokongan yang berterusan akan memastikan kelestarian sumbangan generasi alumni sebelum dapat direalisasikan oleh graduan.

Kata Dr. Nayan sebagai alumni, graduan perlu mempunyai perasaan untuk memberi sumbangan dan sokongan berterusan kepada universiti.

"Saya berharap Alumni UPM akan mencontohi budaya alumni institusi pengajian yang terbilang di dunia seperti Universiti Harvard.

"Sebagai contoh sumbangan graduan dan alumni universiti tersebut telah menghasilkan satu dana endowment melebihi US\$30 bilion," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UPM pada sesi lima di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Sementara itu, Pro-Canselor UPM Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek turut menyampaikan ucapan beliau pada sesi enam konvokesyen hari yang sama.

Bagi sesi kelima dan keenam, seramai 63 graduan dikurniakan ijazah sarjana, 1386 ijazah Bachelar dan 200 diploma.



Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek menyampaikan ijazah kepada graduan pada sesi enam Majlis Konvokesyen UPM ke-32.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.